



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

**PANDUAN
PENGURUSAN ACARA**

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: 2 Oktober 2017

Panduan Industri Pengurusan Acara yang disemak semula pada 23 November 2014 adalah ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Pengurusan Acara yang disemak semula pada 2 Oktober 2017.

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2015 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

Penolakan Tuntutan

Maklumat ini bertujuan memberi kefahaman umum tentang layanan berkenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan dan memberi pemahaman yang lebih baik tentang kewajipan pembayar cukai. Ia bukannya bertujuan untuk mengemukakan pelbagai permasalahan percukaian yang mungkin timbul. Walaupun JKDM telah mengambil semua inisiatif bagi memastikan maklumat yang terkandung dalam Panduan ini adalah tepat, JKDM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dan ketidaktepatan atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Kesemua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN	1
Gambaran Mengenai Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP).....	1
GAMBARAN MENGENAI PENGURUSAN ACARA	1
LAYANAN CBP TERHADAP PENGURUSAN ACARA	2
Status Tempat Pelanggan Berada.....	2
Pelanggan Adalah Individu	3
Pelbagai Pihak Di Suatu Pengurusan Acara	3
Acara Yang Diadakan Di Malaysia	4
Penajaan	6
Tiket.....	7
Pengurusan Acara dan Kawasan Ditetapkan (DA)	7
Pembekalan Daripada Pihak Ketiga	9
SOALAN-SOALAN LAZIM	11
Pendaftaran	11
Pembekalan bercukai	11
Dana Kerajaan.....	14
Bayaran masuk dan tiket	14
Perkhidmatan yang diimport untuk perkhidmatan persembahan	14
Penganjuran bersama rancangan realiti.....	15
Sewaan.....	15
Deposit	16
Kemudahan meletak kenderaan	16
Mesin duit syiling	16
Nasihat dan khidmat runding	17
Diskaun.....	17

Masa pembekalan	17
Kredit cukai input	18
Barang untuk kegunaan persendirian	18
PERTANYAAN	19
MAKLUMAT LANJUT DAN BANTUAN BERKAITAN CBP	19

PENGENALAN

1. Panduan Industri ini disediakan untuk membantu anda dalam memahami cukai barangan dan perkhidmatan (CBP) dan layanan CBP ke atas industri pengurusan acara.

Gambaran Mengenai Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai pelbagai peringkat atas penggunaan domestik. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan di Malaysia kecuali yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat-peringkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengagihan. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rangkaian pengeluaran dan pendedaran, hanya nilai tambah pada setiap peringkat akan dikenakan cukai bagi mengelakkan cukai dikenakan dua kali.

4. Di Malaysia, seseorang yang berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang dikenali sebagai "orang berdaftar". Orang yang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada pelanggan. Orang berdaftar dibenarkan untuk menuntut semula sebarang CBP yang dikenakan ke atas pembelian (cukai input) yang merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri bukan suatu kos kepada perantara dan tidak ditunjukkan sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

GAMBARAN MENGENAI PENGURUSAN ACARA

5. Pengurusan acara dikategorikan sebagai pembekalan amalan pengurusan bagi sesuatu pengurusan projek kepada perancangan dan pembangunan festival dan acara. Perkhidmatan pengurusan acara terdiri daripada pelbagai perkhidmatan seperti:

- (a) Mesyuarat

Beberapa ciri yang paling biasa berkaitan dengan mesyuarat adalah persidangan, konvensyen, kongres dan symposium. Terdapat juga mesyuarat korporat termasuk mesyuarat agung tahunan, seminar dan bengkel.

(b) Pameran

Beberapa ciri yang paling biasa berkaitan dengan pameran adalah perdagangan, pengguna dan campuran perdagangan dan pengguna.

(c) Acara

Beberapa ciri yang paling biasa berkaitan dengan acara adalah pelancaran produk dan promosi, malam anugerah, makan malam gala, majlis resepsi, dan majlis pembukaan/penutupan. Lain-lain jenis acara adalah sukan, seni, kebudayaan dan hiburan serta acara pertandingan.

(d) Insentif

Jenis-jenis insentif adalah insentif program-program pelancongan, kerja dalam kumpulan, program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), anugerah malam dan juga yang bertemakan makan malam serta acara.

LAYANAN CBP TERHADAP PENGURUSAN ACARA

Status Tempat Pelanggan Berada

6. Dibawah peruntukan berkadar sifar tertentu dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014, pengurus acara syarikat perlu menentukan status tempat pelanggan berada, iaitu sama ada pelanggannya dikira berada di luar Malaysia, sebelum dia menentukan pembekalannya adalah berkadar sifar. Pelanggannya boleh terdiri daripada individu atau perniagaan.

Pelanggan Adalah Individu

7. Pelanggan dikira sebagai berada di Malaysia jika tempat tinggal biasanya ialah di Malaysia semasa tempoh perkhidmatan dibekalkan. Untuk tujuan CBP, individu hanya boleh mempunyai satu tempat tinggal biasanya pada suatu masa.


8. Maksud “tempat tinggal biasanya” ialah:

- Individu tinggal di negara itu secara sukarela dan untuk suatu tujuan penyelesaian (contohnya untuk mengikuti suatu pengajian atau pekerjaan).
- Penginapan Individu di negara itu mempunyai suatu tahap kesinambungan selain daripada ketiadaan sementara atau sekali-sekala, dan merupakan sebahagian daripada pola kehidupannya.

Pelbagai Pihak Di Suatu Pengurusan Acara

9. Rajah 1 menggambarkan pihak yang terlibat dalam sebarang aktiviti pengurusan acara, pembekalan yang dibuat dan diperolehi oleh promoter tempatan, pengurus acara, ejen tiket, penaja, pelanggan dan pembekal serta layanan CBP ke atas bekalan yang dibuat.

Rajah 1



Dalam ilustrasi di atas;

- (a) Pengurus acara perlu menganjurkan acara dengan memperoleh barang dan perkhidmatan daripada pelbagai pemain utama seperti penaja, agen tiket, promoter tempatan dan di luar Malaysia.
- (b) Pengurus acara perlu membayar CBP pada kadar standard ke atas barang dan perkhidmatan yang diperolehinya dan cukai input boleh dituntut. Dalam kes perkhidmatan diimport, perkhidmatan tersebut adalah tertakluk kepada CBP melalui mekanisme caj balikan.
- (c) Semua barang dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh pengurus acara berhubung dengan perkhidmatan pengurusan acara adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Sebagai orang yang berdaftar untuk CBP, pengurus acara hendaklah mengenakan caj CBP kepada pelanggan yang menerima perkhidmatannya.
- (d) Pengurus acara hendaklah mengakaunkan cukai output ke atas pembekalan yang dibuat.

Acara Yang Diadakan Di Malaysia

10. Pkhidmatan pengurusan acara yang disediakan oleh penganjur acara mungkin berbeza-beza mengikut keadaan seperti berikut:

- (a) Acara yang diadakan di Malaysia oleh penganjur tempatan

Pembekalan perkhidmatan pengurusan acara oleh pengurus acara tempatan yang berdaftar adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Contoh 1:

Afizi Pengurusan Acara Sdn Bhd, adalah orang berdaftar menganjurkan Larian Malam 2017 di Putrajaya dan mengenakan fi kemasukkan kepada peserta. Fi kemasukkan tersebut adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

- (b) Acara antarabangsa yang diadakan di Malaysia oleh penganjur luar negara

Pembekalan perkhidmatan pengurusan acara di Malaysia adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Sekiranya acara yang dianjurkan adalah kerjasama dengan pengurus acara tempatan yang berhubungan dan orang berdaftar, maka pengurus acara tempatan yang berhubungan tersebut perlu mengakaunkan CBP ke atas pembekalan bercukai yang dibuat oleh penganjur luar negara.


Dalam industry hiburan, mana-mana syarikat luar negara atau organisasi perniagaan luar negara hendaklah melantik promoter tempatan sebagai agen mereka sekiranya jualan mereka melebihi RM500,000 dan mengambil kira liabiliti cukai termasuk CBP.

Layanan yang sama juga boleh digunakan untuk pameran dan acara lain. Pameran itu boleh dianjurkan oleh mereka sendiri atau melalui pengurus acara pameran professional (PEO) yang lain seperti Jabatan Perdagangan Kerajaan, iaitu MATRADE.

Contoh 2:

Lincoln Management International Pte. Ltd (LMI), PEO dari U.S.A. menganjurkan suatu persidangan di KLCC. Para peserta dari dalam dan luar negara yang berminat akan membayar fi kemasukan melalui bank di U.S.A. LMI melantik Julie Sdn Bhd, pengurus acara tempatannya yang berhubungan sebagai ejen mereka di bawah peruntukan subseksyen 65(6), Akta Cukai Barang dan perkhidmatan 2014. Julie Sdn Bhd bertanggung untuk mengakaunkan cukai output ke atas pembekalan perkhidmatan pengurusan acara kepada LMI serta pembekalan pemberian hak untuk menyertai persidangan tersebut dan menuntut cukai input ke atas bekalan-bekalan yang diperolehi.

Rajah 2



(c) Acara antarabangsa diadakan di luar Malaysia oleh penganjur tempatan

Sekiranya pembekalan dilaksanakan sepenuhnya di luar Malaysia, fi yang diterima oleh pengurus acara di Malaysia adalah dikenakan pada kadar sifar mengikut peruntukan Para 16, Jadual kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014.

Contoh 3:

Syarikat pengurusan acara mengenakan fi untuk menganjurkan konsert di Singapura atau kursus pengurusan yang dijalankan sepenuhnya di Bangkok, Thailand.

Penajaan

11. Dalam suatu acara, penajaan adalah suatu elemen penting untuk menutup kos penganjuran acara tersebut. Penganjur acara akan menerima manfaat melalui

penajaan, sama ada dalam bentuk wang atau bukan wang. Di bawah CBP, penajaan dalam bentuk wang bukan dianggap sebagai suatu pembekalan. Walau bagaimanapun, sekiranya ada manfaat material yang diberikan kepada penaja sebagai balasan penajaan yang diterima seperti pengiklanan semasa komersial berhenti seketika dalam suatu siaran langsung, maka penajaan itu dianggap sebagai balasan ke atas pembekalan perkhidmatan iklan tersebut. Oleh itu, CBP perlu diakaunkan ke atas penajaan (amaun) yang diterima.

12. Penajaan bukan dalam bentuk wang adalah tertakluk kepada CBP dan sekiranya syarat dikenakan untuk suatu penajaan seperti pengiklanan nama atau jenama penaja adalah pembekalan bercukai. Penaja hendaklah mengakaunkan CBP, sebagai contoh penajaan tiket / pakaian. Di samping itu, sekiranya penerima menyediakan perkhidmatan pengiklanan sebagai balasan ke atas penajaan, maka penerima hendaklah mengakaunkan CBP bagi pembekalan tersebut.

Tiket

13. Bagi memastikan kesedaran secara meluas mengenai acara dan pengedaran tiket, penganjur acara juga menggunakan agen tiket untuk menjual tiket bagi pihaknya. Jualan tiket oleh agen tiket sebenarnya adalah pembekalan kepada pelanggan. Agen tiket yang menjual tiket adalah bertanggung mengakaunkan CBP ke atas harga tiket ditambah dengan semua caj tempahan dan komisyen sekiranya agent tersebut adalah orang berdaftar CBP.

Pengurusan Acara dan Kawasan Ditetapkan (DA)


14. Pembekalan perkhidmatan pengurusan acara di DA oleh penganjur acara tempatan yang berdaftar adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Example 4:

Malaysia telah dilantik oleh International Sailing Federation (ISF) sebagai tuan rumah bagi menguruskan acara pelayaran di Langkawi. Acara tersebut diuruskan oleh organisasi tempatan, Persatuan Pelayar Malaysia (PPM) yang ditubuhkan di Johor. ISF akan menyediakan dana bagi acara tersebut, iaitu dana yang disumbangkan oleh ahli-ahli jawatankuasa seluruh dunia yang turut disifatkan sebagai balasan bagi pembekalan yang dibuat oleh PPM. Oleh itu, pembekalan yang dibuat oleh PPM kepada ISF berhubung dengan acara yang diadakan di Langkawi adalah berkadar standard.

Rajah 3 mengilustrasikan mengenai acara antarabangsa diadakan di DA oleh organisasi tempatan.

Rajah 3:



Pembekalan Daripada Pihak Ketiga

15. Di belakang tabir dalam pengurusan perkhidmatan acara adalah merangkumi pelbagai kerja keras seperti perancangan, belanjawan, ujian, rundingan, latihan, ia juga sering termasuk menyediakan perkhidmatan seperti penginapan, pengangkutan, penyajian, memeteraikan dan lain-lain, sebahagian besarnya akan diperolehi daripada pembekal pihak ketiga. Biasanya ada yang berlaku satu acara dengan satu harga jualan tetapi memasukkan beberapa layanan GST yang berbeza.

16. Syarikat yang mengurus acara bertindak sebagai principal atau agen (iaitu bertindak atas nama anda sendiri) membeli dan menjual semula perkhidmatan perjalanan yang disediakan oleh pihak ketiga termasuk – penginapan, pengangkutan, perjalanan / lawatan, panduan, sewaan kereta dan ruangan di lapangan terbang (ditambah dengan katering, kemasukan dan perkhidmatan yang serupa) walaupun ini bukan aktiviti perniagaan utama mereka, atau tidak melihat diri mereka sebagai pengendali pelancongan tradisional.

Contoh 5:

- a) Pemilik hotel yang membeli kenderaan mengangkut penumpang mengambil tetamu dari permulaan hingga akhir di tempat penginapan mereka
- b) Operator mengangkut penumpang yang membeli penginapan hotel untuk dimasukkan dalam satu pakej
- c) Syarikat yang mengatur persidangan termasuk menyediakan penginapan hotel untuk perwakilan

17. Pembekalan perkhidmatan yang serupa tetapi tidak dibeli dapat digambarkan sebagai bekalan 'in-house' dan didefinisikan sebagai:

- a) Pembekalan yang disediakan oleh syarikat yang mengurus acara adalah melalui sumber sendiri
- b) Pembelian yang dibuat oleh syarikat yang menguruskan acara, diubah atau diproses lebih lanjut agar pembekalan yang mereka sediakan berbeza dengan apa yang mereka beli

Bekalan *'in-house'* perlu diketahui kuantitinya agar dapat diambil kira dalam peraturan biasa CBP.

18. Sekiranya syarikat yang mengendalikan acara itu mempunyai kontrak dengan ejen pelancongan atas nama sendiri, dan menjual perkhidmatan tersebut kepada individu/peniaga yang menggunakannya, maka CBP dikenakan ke atas perkhidmatan yang dijual oleh syarikat tersebut.

19. Perkhidmatan lain yang disediakan oleh pihak ketiga – apa-apa komponen bukan berkaitan melancong, yang tidak disediakan oleh sumber syarikat pengurusan acara itu. Ini termasuk kelengkapan AV, penceramah, kemudahan persidangan, hiasan, jurugambar, sewa ladang haiwan dan lain-lain.

20. Sekiranya syarikat pengurusan acara itu berdaftar untuk CBP, dia hendaklah mengakaunkan cukai ke atas harga jualan yang dia bekalkan, tetapi dia boleh menuntut semula CBP yang dicaj ke atas pembeliannya (tertakluk kepada peraturan biasa CBP).

21. Sekiranya syarikat pengurusan acara itu bertindak sebagai agen (iaitu, tidak bertindak atas nama sendiri), kemungkinan ini akan dapat dilihat dalam kontrak yang dipersetujui, dan syarikat pengurusan acara itu perlu memastikan bahawa elemen acara dibekalkan tidak diinvoiskan secara langsung, untuk mencerminkan fakta bahawa syarikat pengurusan acara itu tidak membuat bekalan perkhidmatan pelancongan itu sendiri.

SOALAN-SOALAN LAZIM

Pendaftaran

S1. Adakah Penyedia Pengurusan Acara perlu mendaftar?

- J1. Semua penyedia pengurusan acara dikehendaki mendaftar di bawah Akta CBP jika membuat pembekalan bercukai semasa atau dalam penerusan perniagaan dan telah melebihi nilai ambang RM500,000 dalam tempoh dua belas bulan. *(Untuk maklumat lanjut mengenai pendaftaran, sila rujuk Panduan Pendaftaran).*

Pembekalan bercukai

S2. Aktiviti Pengurusan Acara manakah tertakluk kepada CBP?

- J2. Semua aktiviti pengurusan acara adalah tertakluk kepada CBP kerana ia adalah pembekalan bercukai; contohnya:
- (a) Pengkonsepsian acara;
 - (b) Produksi acara;
 - (c) Perkhidmatan pengurusan;
 - (d) Pengawasan acara;
 - (e) Kemasukan ke acara;
 - (f) Pengiklanan acara;
 - (g) Kemudahan penyewaan; dan
 - (h) Perkhidmatan Keselamatan.

S3. Adakah CBP dikenakan jika membekal ruang pameran secara percuma kepada pempamer tetap?

- J3. Bekalan ruang untuk pameran ditawarkan secara percuma kepada pempamer tetap tidak tertakluk kepada CBP jika penyediaan perkhidmatan ini juga boleh

disediakan secara percuma kepada mana-mana pempamer.

S4. Sebuah syarikat menganjurkan pertunjukan fesyen dan memberikan beberapa tiket kemasukan dan kemeja T secara percuma. Bagaimanakah syarikat perlu mengakaunkan CBP ke atas barangan percuma atau perkhidmatan percuma sekiranya barang atau perkhidmatan hanya diberi kepada pelanggan yang terpilih?

J4. Layanan CBP boleh dibahagikan kepada dua layanan yang berbeza seperti berikut;

(a) Barangan yang diberi secara percuma adalah tertakluk kepada '*gift rules*'. Barang-barang yang ditanggung oleh syarikat dengan kos bernilai RM500 dan ke bawah untuk setiap orang dalam tempoh setahun tidak tertakluk kepada CBP.

(b) Perkhidmatan percuma dianggap sebagai bukan suatu pembekalan, oleh itu ia tidak tertakluk kepada CBP.

Tidak ada peraturan khas mengenai layanan CBP ke atas hadiah yang diberikan kepada pelanggan terpilih. Peraturan normal CBP dikenakan.

S5. Sebagai pengurus acara, saya menguruskan seminar, bengkel, persidangan untuk kedua-dua sektor swasta dan kerajaan. Adakah saya perlu mengakaunkan CBP jika saya menyediakan perkhidmatan tersebut:

(a) Hanya kepada sektor swasta (syarikat);

(b) Hanya kepada sektor awam (agensi kerajaan); atau

(c) Kepada kedua-dua sektor awam dan swasta?

J5. Tidak kira sama ada pelanggan-pelanggan anda terdiri daripada sektor swasta atau awam, anda hendaklah mengenakan CBP bagi penyediaan perkhidmatan tersebut di atas sekiranya anda adalah orang berdaftar CBP.

- S6. Bryndwr Events Sdn Bhd, pengurus acara, menguruskan seminar bagi pihak Kementerian Pelajaran untuk dibuka kepada orang awam di dalam dan luar negara. Bagaimanakah CBP diakaunkan bagi acara tersebut?**
- J6. Terdapat 3 pembekalan yang dibuat oleh Bryndwr Events Sdn Bhd:
- (a) Perkhidmatan pengurusan acara yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
 - (b) Jika bayaran dikenakan ke atas tiket masuk penyertaan, maka ia tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
 - (c) Jualan barang semasa seminar berlangsung adalah tertakluk kepada CBP.
- S7. Kadang kala kakitangan tertentu daripada sektor awam atau swasta adalah dijemput untuk menghadiri acara-acara ini sebagai tetamu tanpa apa-apa caj. Apakah layanan CBP dalam kes ini?**
- J7. Penyertaan percuma diberi kepada sektor awam dan swasta ialah bukan suatu pembekalan, oleh itu ia tidak tertakluk kepada CBP.
- S8. Apakah layanan CBP ke atas pembekalan yang dibuat oleh sebuah syarikat pengurusan acara untuk menganjurkan pameran di Malaysia tetapi peserta kebanyakannya dari luar negara?**
- J8. Sekiranya syarikat pengurusan acara adalah orang berdaftar, apa-apa bekalan yang dibuat untuk acara yang dianjurkan di Malaysia adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard, walaupun pesertanya adalah dari luar negara.
- S9. Sebuah syarikat pengurusan acara bagi pihak Kementerian Pertahanan, menganjurkan Pameran Antarabangsa Maritim Udara Langkawi (LIMA) di Langkawi. Apakah layanan CBP ke atas pameran yang dianjurkan oleh syarikat pengurusan acara tersebut?**
- J9. Di bawah seksyen 154 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, Langkawi diklasifikasikan sebagai kawasan '*designated area*' oleh itu tiada CBP dikenakan ke atas barang yang dibekalkan di '*designated area*' dan perkhidmatan yang

disediakan (dengan syarat pembekal perkhidmatan adalah dari Langkawi).

Dana Kerajaan

S10. Adakah terdapat apa-apa implikasi CBP kepada dana kerajaan yang diberikan kepada badan bukan kerajaan?

J10. Tidak ada implikasi CBP ke atas dana kerajaan yang diberikan kepada badan bukan kerajaan untuk menganjurkan acara bagi pihak kerajaan sekiranya kerajaan tidak menerima sebarang balasan di atas pemberian dana tersebut.

Bayaran masuk dan tiket

S11. Saya adalah seorang pengurus acara yang berdaftar CBP. Adakah saya perlu menunjukkan CBP yang dikenakan ke atas tiket masuk ke sesuatu acara?

J11. Jumlah amaun yang kena dibayar tidak termasuk cukai, kadar cukai dan jumlah cukai dikenakan, hendaklah ditunjukkan secara berasingan dalam tiket tersebut.

Perkhidmatan yang diimport untuk perkhidmatan persembahan

S12. Sebagai penyedia pengurusan acara dan orang berdaftar CBP, saya telah menjemput penghibur profesional dari luar negara untuk membuat persembahan di majlis makan malam dan pertunjukan fesyen. Adakah persembahan tersebut tertakluk kepada CBP dan siapa yang harus membayar cukai?

J12. Perkhidmatan dari luar negara dianggap sebagai perkhidmatan yang diimport dan ia tertakluk kepada CBP. Penyedia pengurusan acara tersebut perlu mengakaunkan CBP untuk perkhidmatan yang diimport dengan menggunakan mekanisma caj balikan. *(Untuk maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang diimport dan mekanisma caj balikan, sila rujuk Panduan umum CBP).*

Penganjuran bersama rancangan realiti

S13. Syarikat XYZ, penyedia pengurusan acara, pengurusan dibuat bersama dengan stesen penyiaran dan Telekom Malaysia untuk bersama-sama menghasilkan rancangan realiti. Bagaimana CBP kira dalam kes ini?

J13. Jika rancangan realiti itu diuruskan bersama oleh beberapa pihak, setiap pihak mesti berupaya untuk mengenal pasti pembekalan sendiri untuk menentukan liabiliti CBP. XYZ mesti mengenakan CBP ke atas hak eksklusif untuk menyiarkan persembahan. Stesen penyiaran pula perlu mengenakan CBP ke atas ruang iklan kepada Telekom Malaysia. Telekom Malaysia akan mengenakan CBP ke atas perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna sistem pesanan ringkas (SMS) untuk menghantar SMS berkenaan persembahan tersebut.

Sewaan

S14. Sebagai orang berdaftar CBP dan pengurus acara untuk pameran, saya mengutip RM2,500 untuk sewa ruang selama dua hari pameran dari peserta pameran. Adakah saya perlu mengenakan CBP ke atas sewa tersebut?

J14. Sewa ruang yang dikenakan kepada peserta pameran adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S15. Apakah layanan CBP ke atas caj ruang sewa untuk pameran yang juga menyediakan perabot, peralatan elektrik dan keselamatan untuk peserta pameran?

J15. Pembekalan ruang sewa, sama ada yang dilengkapi sepenuhnya atau tidak, adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Lain-lain tambahan kemudahan peralatan atau perkhidmatan yang disediakan adalah pembekalan bercukai dan tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, jika ia disediakan sebagai sebahagian daripada pakej, CBP akan diambil kira ke atas caj tersebut sebagai pembekalan tunggal.

Deposit

S16. Sebagai pengurus acara pameran, saya juga mengambil deposit bagi tempahan awal untuk ruang sewaan. Adakah deposit ini tertakluk kepada CBP?

J16. Layanan CBP ke atas deposit adalah bergantung kepada sama ada ia adalah satu jaminan (sekuriti) atau sebahagian daripada pembayaran. CBP tidak dikenakan jika deposit adalah sebagai jaminan. Walau bagaimanapun, jika deposit itu adalah sebahagian daripada bayaran untuk ruang sewa, ia dianggap suatu pembekalan bercukai dan oleh itu ia tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Kemudahan meletak kenderaan

S17. Kemudahan meletak kereta di pameran disediakan untuk tetamu secara percuma. Adakah pihak pengurus acara perlu mengakaunkan CBP ke atas perkhidmatan parkir yang disediakan?

J17. Jika kemudahan tempat letak kenderaan disediakan secara percuma, maka, ia tidak tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun jika kemudahan tempat letak kenderaan tersebut dikenakan bayaran, maka ia tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Mesin duit syiling

S18. Adakah komisen atau keuntungan yang dikongsi, dibayar oleh pembekal mesin yang dikendalikan dengan syiling yang diletakkan di dalam pameran perdagangan tertakluk kepada CBP?

J18. Komisen atau keuntungan dikongsi adalah balasan bagi hak untuk

mengendalikan mesin. Oleh itu, ia adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Nasihat dan khidmat runding

S19. Selain daripada pengurusan acara, kami menyediakan perkhidmatan nasihat dan khidmat runding kepada pelanggan berkenaan mendapatkan kelulusan daripada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Adakah perkhidmatan ini tertakluk kepada CBP?

J19. Semua perkhidmatan perundingan dan nasihat adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Diskaun

S20. Sebagai pengurus acara, kami memberi diskaun kepada pelanggan kami. Apakah layanan CBP ke atas diskaun yang diberikan?

J20. Diskaun boleh dibenarkan jika ia diberi kepada semua dan CBP dikenakan ke atas jumlah selepas diskaun atau jumlah selepas dikurangkan.

Masa pembekalan

S21. Bilakah kami perlu mengakaunkan CBP bagi pembekalan perkhidmatan pengurusan acara?

J21. Masa pembekalan perkhidmatan untuk mengakaunkan CBP hendaklah berdasarkan kepada peruntukan subseksyen 11(3), (4) and (5). (Untuk maklumat lanjut, *sila rujuk Panduan Mengenai Pembekalan*).

Kredit cukai input

S22. Sebagai orang berdaftar CBP, adakah saya layak untuk menuntut apa-apa kredit cukai input dan bagaimana saya boleh melakukannya?

J22. Sebagai orang berdaftar, anda berhak untuk menuntut cukai input yang ditanggung atas pembelian seperti pembelian harta modal, utiliti, bahan dan yuran profesional berkait dengan pembekalan bercukai anda.

Anda boleh membuat tuntutan cukai input dalam penyata cukai anda, mengikut tempoh bercukai yang diluluskan dengan menolak cukai output yang harus dibayar kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). *(Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Panduan Mengenai CBP Ke Atas Kredit Cukai Input).*

Barang untuk kegunaan persendirian

S23. Bolehkah cukai input dituntut atas barang dan perkhidmatan yang dibekalkan untuk acara tersebut, tetapi telah digunakan oleh kakitangan untuk kegunaan peribadi?

J23. Cukai input tidak boleh dituntut ke atas bekalan tersebut kerana ia tidak digunakan dalam perjalanan atau penerusan perniagaan syarikat.

PERTANYAAN

1. Sebarang pertanyaan berkenaan panduan ini sila hubungi :

Sektor IV

Bahagian GST

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 3 – 7, Blok A, Menara Tulus,

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,

62100 Putrajaya.

E-mel: gstsector4@customs.gov.my.

MAKLUMAT LANJUT DAN BANTUAN BERKAITAN CBP

2. Maklumat lanjut berkaitan CBP boleh diperolehi daripada :

a) Laman web CBP : www.gst.customs.gov.my

b) Pusat Panggilan Kastam :

- Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
- Faks : 03-7806 7599
- E-mel : ccc@customs.gov.my